



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESANTUNAN BERBAHASA DALAM PANTUN BERDASARKAN
ANTOLOGI KOMSAS DALAM BAHASA MELAYU
TINGKATAN 1 HINGGA TINGKATAN 5**

FAUZIAH BINTI HAJI JALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

23.4.2004

Tanda tangan:

Nama: FAUZIAH BINTI HAJI JALI

No.Pendaftaran: 200200507



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



iii

ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the writing in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

23.4.2004

Signature:

Name: FAUZIAH BINTI HAJI JALI

Registration no: 200200507



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan keizinan Nya saya dapat menyempurnakan pemulisan tesis ini yang berjudul **Kesantunan Berbahasa dalam Pantun Melayu Berdasarkan Antologi Komsas dalam Bahasa Melayu** bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Rakaman penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Dr. Sulaiman Bin Masri** selaku penyelia kursus ini yang banyak membimbang saya menyiapkan tesis ini. Tunjuk ajar, panduan, pendapat, perangsang serta semangat daripadanya tanpa henti-henti untuk saya tulis tesis ini dengan sebaik mungkin menguatkan semangat saya.

Terima kasih juga buat semua pensyarah bahasa Melayu di Fakulti Bahasa yang mencurahkan banyak ilmu dan membimbang saya seperti Prof. Asmah Haji Omar, Prof. Abdullah Hassan, Prof. Abdul Hamid Mahmood, Prof. Dr. Nawi Abd. Rahman, En. Mohd Khair Mohd Noor, dan En. Idris Mohd Rozi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pustakawan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Razak Ipoh, dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paling utama dedikasi dan pengertian yang penuh kasih sayang terhadap insan yang memahami tugas ini; ibu bapa tercinta, suami yang sama-sama belajar iaitu Abdul Rahman Bin Hamid, anak-anakku Fazril Izham dan Nadhirah, Hashimah Bt Hussin , rakan guru di SMK. Dato' Idris, dan SMK.Ambrose, Ayer Tawar, Perak yang banyak berkorban dan membantu.

Akhir kata, sekalung doa untuk semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Setiap pengorbanan ku kenang sampai bila-bila.

FAUZIAH BINTI HAJI JALI
2002-00507
Program M.E.D (Bahasa Melayu)
Fakulti Pendidikan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



ABSTRAK

Kajian ini menghuraikan nilai sopan-santun yang tergambar melalui pantun Melayu. Pantun dipilih untuk melihat kesantunan berbahasa masyarakat Melayu kerana bahasa pantun yang “padat” dan “berhemat”. Kajian dilakukan terhadap 60 pantun Tingkatan 1 hingga 5 dalam lima antologi Komponen Sastera dalam bahasa Melayu; iaitu antologi *Sehijau Warna Daun, Seuntai Kata untuk Dirasa, Anak Bumi Tercinta, Anak Laut, dan Kerusi*. Kesantunan diperlihatkan menurut maksim atau konsep yang ditetapkan, iaitu maksim santun, kerendahan hati, kedermawanan, sokongan, simpati, persetujuan, budi, dan menjaga air muka. Kajian menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan penganalisisan data. Daripada 60 pantun, dapatan memaparkan 24 (40.0%) pantun merupakan maksim santun, 13 (21.7%) maksim simpati, 9 (15.0%) konsep budi, 5 (8.3%) konsep menjaga air muka, 3 (5.0%) maksim persetujuan, 3 (5.0%) maksim kerendahan hati, 2 (3.3%) maksim kedermawanan, dan satu (1.7%) maksim sokongan. Bab 1 memperkatakan pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, batasan kajian, pengertian konsep, dan kesimpulan. Bab 2 memperlihatkan kajian terdahulu pengkaji tempatan dan pengkaji luar negara, seterusnya dipaparkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sendiri. Bab 3 memaparkan tentang metodologi, iaitu kaedah kajian, pengumpulan data, dan penganalisisan data. Bab 4 melaporkan dapatan yang diperolehi, manakala Bab 5 menyimpulkan keseluruhan kajian di samping memberi saranan untuk kajian seterusnya. Kesimpulannya, menjadi harapan pengkaji agar kajian ini mengembalikan tradisi kesantunan masyarakat Melayu, terutama terhadap pelajar sekolah.

ABSTRACT

The research is undertaken to analysis the refined culture of the Malay ‘ pantun’. The ‘pantun’ is chosen for its “conciseness” and “politeness”. This research is based on 60 ‘pantun’ form 1 to 5 in five anthology of the literature components of Malay Language; *Sehijau Warna Daun, Seuntai Kata untuk Dirasa, Anak Bumi Tercinta, Anak Laut, and Kerusi*. This research consists of the type and measurement of politeness according to a number of maxims or concept as in politeness, humility, generosity, support, sympathy, mutuality, the concepts of good deeds and pride. The research design chosen will be the library research and data analysis. Based on 60 pantun, the result of the research show that 24 (40.0%) are the maxim of politeness, 13 (21.7%) on sympathy, 9 (15.0%) are the concepts of good deeds, 5 (8.3%) on pride, 3 (5.0%) on humility, 3 (5.0%) on mutuality, 2 (3.3%) on generosity, and 1 (1.7%) on support. The first chapter will include statement of problems, research purpose and its importance, limitations, meanings of concepts and conclusion. The second chapter will look at the previous research done on the subject, locally and abroad, followed by the researcher’s own. The third chapter will show the methodology, that is the research method, data accumulation and analysis. The fourth chapter will deal with the research results. Chapter fifth will be the research conclusion as well as some suggestions on future research. In conclusion, the researcher hopes that this research will bring back the traditionally courteous and refined manner of the Malay community, especially among the students.



KANDUNGAN

Isi	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	1 PustakaTBainun	ptbupsi
1.1 Pengenalan				
4				
1.2 Pernyataan Masalah				
4				
1.3 Tujuan Kajian				
5				
1.4 Kepentingan Kajian				
6				
1.5 Batasan Kajian				
7				
1.6 Pengertian Konsep				
9				
 1.6.1 Budi				
9				
 1.6.2 Menjaga Air Muka				
9				
 1.6.3 Santun				
10				
 1.6.4 Kesantunan Bahasa				
10				
 1.6.5 Kerendahan Hati				
10				





1.6.6	Kedermawanan	10
1.6.7	Persetujuan	11
1.6.8	Sokongan	11
1.6.9	Simpati	11
1.7	Kesimpulan	12

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Pengkajian Luar Negara	13
2.3	Pengkajian dalam Negeri	18
2.4	Pantun dalam Antologi Komsas	24
2.5	Pembahagian Konsep Kesantunan	27
2.6	Konsep Kesantunan Bahasa Kajian Ini	32
2.7	Kesimpulan	34



BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	35
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	36
3.3	Kaedah Penganalisisan Data	39
3.4	Kesimpulan	45





BAB IV DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	46
4.2 Dapatan Kajian	47
4.3 Perbincangan Dapatan Daripada Segi Konsep/ Maksim	50
4.3.1 Konsep Budi	50
4.3.2 Konsep Menjaga Air Muka	51
4.3.3 Maksim Santun	52
4.3.4 Maksim Kerendahan Hati	54
4.3.5 Maksim Sokongan	54
4.3.6 Maksim Kedermawanan	54
4.3.7 Maksim Simpati	55
4.3.8 Maksim Persetujuan	56
4.4 Kesimpulan	57



BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	58
5.2 Kesimpulanan	58
5.3 Cadangan Kajian Ini	60
5.4 Cadangan Kajian Seterusnya	62



5.5 Penutup	63
Rujukan	64
Lampiran	67

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1(a) Pembahagian Antologi dan Kandungan	25
2.1(b) Pembahagian Pantun	26
4.1 Kekerapan dan Peratusan Maksim/ Konsep Kesantunan	47
4.2 Peratus Kekerapan Pantun Berdasarkan Konsep Kesantunan	49

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa berperanan penting dalam kehidupan manusia. Ia dianggap wahana penyampai maklumat daripada penutur kepada pendengar. Ia digunakan oleh manusia bermula daripada proses persepsi kepada kewujudan konsep tertentu. Asmah Haji Omar (1986:2) menyatakan terdapat dua aliran fikiran berkenaan dengan bahasa dan alam nyata (realiti). Pertama, beliau berpendapat bahasa mencerminkan alam nyata, manakala yang kedua pula menyatakan bahasalah yang mewujudkan pemahaman alam nyata. Fenomena ini menggambarkan kepada kita bahawa bahasa amat penting kepada manusia, iaitu merupakan firasat dan petunjuk bagi kebudayaannya. Ini bermakna, bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya iaitu cara hidup dan juga persekitaran fizikal dan sosial mereka. Fungsi bahasa yang seperti ini dipikul oleh perbendaharaan kata yang terdapat dalam ayat dan wacana.

Kemajuan masyarakat turut membawa perkembangan dalam bahasa masyarakat itu sendiri. Bahasa mempunyai pelbagai fungsi seperti fungsi berfikir (idention), antara peribadi (interpersonal), dan tekstual. Dalam fungsi berfikir, penuturnya memberi pemaujudan dan pelahiran pendapat serta pandangannya. Apabila bahasa menjalankan fungsi berfikir, penutur bertindak sebagai pemerhati dan penyerap apa yang berlaku di sekitarnya. Fungsi antara peribadi menunjukkan interaksinya dengan orang lain, dan dari sini lahirlah pelbagai ragam bahasa sama ada pertuturan atau tulisan yang memenuhi fungsinya itu (Asmah Haji Omar, 1986 :91)

Terdapat enam cara utama ahli bahasa menanggapi dan menghuraikan bahasa dan persoalan kebahasaan iaitu :

- i)  05-4506832  Melihat bahasa dalam konteks hubungan antara bahasa dengan manusia.  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi
- ii) Melihat bahasa sebagai binaan atur rumus formal.
- iii) Melihat bahasa sebagai keperluan.
- iv) Melihat bahasa sebagai alat.
- v) Melihat bahasa daripada sudut pandangan motivasi.
- vi) Melihat bahasa daripada sudut pedagogi.

Masyarakat Melayu tradisi hidup dalam ikatan kekeluargaan yang terikat dengan adat resam turun temurun. Mereka berpegang dengan adat yang sama seperti mengikut undang-undang yang tidak bertulis.



Dalam bidang kesusasteraan, ia merupakan aktiviti dalam institusi masyarakat yang menggunakan bahasa yang dipunya oleh masyarakat berkenaan. Sastera dan masyarakat mempunyai hubungan yang jelas dalam masyarakat Melayu lama. Mereka beranggapan sastera yang dicipta merupakan hak kolektif. Oleh itu, apa juar karya sastera dapat diterima oleh masyarakat, dan ‘world view’ yang tergarap dalam hasil sastera dapat dianggap serupa dengan ‘world view’ masyarakat berkenaan.

Karya sastera tradisi, berbentuk prosa dan puisi. Karya sastera berbentuk puisi lebih jelas menggambarkan masyarakat Melayu keseluruhannya berbanding dengan sastera berbentuk prosa. Karya puisi dikatakan lebih terbuka dan umumnya lebih banyak lahir daripada ciptaan asli masyarakat. Puisi lahir dalam masyarakat Melayu lama yang menggambarkan keadaan masyarakat Melayu lama sendiri.



Sehubungan dengan itu, bahasa dan karya sastera ternyata berkait rapat. Salah satu daripada karya sastera yang terkenal ialah pantun, yang mempunyai bahasa yang indah, gramatis, dan puitis. Pantun ialah puisi lama yang serasi dengan pelbagai perasaan suka-duka dalam kehidupan yang diwarisi zaman berzaman. Ia mampu menggambarkan cara berfikir dan nilai masyarakat Melayu tradisi. Melalui pantun, orang Melayu mengeluarkan rasa hati dan keluhan jiwa seperti kasih sayang, cinta, kerinduan, sindiran, dan pelbagai perasaan hati yang diungkapkan dalam bahasa yang indah dan menarik.

Koeycharaningrat dalam Harun Mat Piah (1989), menyatakan pantun dalam kebudayaan Melayu berasal daripada kepercayaan zaman purba yang meyakini bahawa



bahasa irama dan indah itu mengandungi ghaib dan luar biasa.. Apabila kata yang indah dan sihir itu diucapkan, lantas mempengaruhi roh datuk nenek sehingga dapat memberi kemakmuran dan kebahagiaan kepada orang yang hidup.

Selain itu, terdapat ketinggian akal budi, pekerti mulia, peribadi dan perlakuan baik merupakan gambaran kesantunan yang dipaparkan melalui pantun.

Seterusnya, diperkatakan pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, pengertian konsep, dan kesimpulan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pantun berupa ungkapan yang mengandungi kebijaksanaan fikiran hasil pemerhatian. Penggunaannya dalam masyarakat Melayu dapat memberi kesan, terutama untuk menyampaikan mesej tertentu serta dianggap sebagai media pendidikan masyarakat. Kewujudannya dalam dua struktur makna iaitu makna yang tersurat dan tersirat menjadikan pantun tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas hinggalah ke hari ini. Apa yang dibanggakan hari ini apabila pantun sudah mendapat tempat dalam dunia pendidikan dan wajib dipelajari oleh pelajar sekolah dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dalam komponen sastera.(Komsas)

Selain itu, penciptaan pantun berkait rapat dengan budaya dan alam sekeliling masyarakat Melayu. Pantun mampu mewakili sebahagian daripada hasil karya yang lain yang melambangkan kesungguhan masyarakat Melayu menggunakan bahasa yang tinggi nilainya ketika membuat teguran.

Di samping itu, kebanyakan pengkaji terdahulu berminat untuk kajian makna yang memberi tumpuan terhadap isi tersurat sedangkan kajian isi tersirat dalam pantun kurang diminati. Demi kepentingan pantun dalam alam Melayu ini, pengkaji berminat untuk mengkaji isi tersirat dengan lebih mendalam dengan tumpuan terhadap aspek kesantunan bahasa dalam pantun.

Sehubungan dengan itu, Lakoff dalam Harun Mat Piah (1989), berpendapat kita dapat memahami fenomena isi bahasa dalam bentuk komunikasi yang ‘simple’. Dalam komunikasi, faktor sosial perlu diambil kira kerana ketika berkomunikasi, terdapat fungsi sosial yang harus dipatuhi seperti bekerjasama dengan penuh sopan.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini mempunyai empat tujuan utama iaitu :

- i. Menganalisis maksud secara yang tersurat dan tersirat untuk menonjolkan bentuk masyarakat Melayu yang menggunakannya.

- ii. Menganalisis bahasa yang digunakan dalam pantun daripada aspek kesantunan berbahasa dengan menggunakan beberapa prinsip yang diutarakan oleh sarjana seperti Grice dan Leech.
- iii. Mengkaji budaya sopan santun yang terdapat dalam pantun Melayu.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk membantu peminat bahasa dan pengkaji sastera mendapat gambaran sebenar, budaya sopan santun atau kesantunan Melayu yang tergambar dalam pantun. Nilai kesantunan yang tinggi daripada gambaran pemikiran ini, diketengahkan melalui penggunaan pantun kepada golongan pelajar.

Di samping itu, budaya sopan santun' masyarakat Melayu lama menggambarkan kehidupan silam orang Melayu sebagai bandingan terhadap kehidupan generasi moden yang penuh cabaran daripada budaya elektronik. Kita dapat menyingkap amalan kehidupan masyarakat Melayu yang terkenal dengan masyarakat penyayang, lemah lembut, pengasih, dan berbudi tinggi untuk diterapkan kepada pelajar.

Kajian ini turut mendedahkan konsep pemikiran Melayu bagi menunjukkan ketinggian mutu pemikir Melayu yang diperlihatkan dalam penyusunan kata yang halus. Sikap lama wujud dalam masyarakat Melayu, sentiasa membentuk daya fikir yang kreatif, inovatif, produktif, kritis, dan bersopan melalui luahan perasaan terutama dalam

pergaulan. Sebaliknya, sikap kurang sopan, kasar, dan tidak beradab bukan menjadi dominan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Akhirnya, diharap kajian ini menjadi pendorong terhadap kajian seterusnya tentang pantun Melayu yang dikatakan semakin dilupakan. Dengan itu, diharapkan kajian ini dapat menambahkan koleksi ilmiah masyarakat Melayu yang dapat dimanfaatkan oleh generasi kini dan mendatang.

1.5 Batasan Kajian

Pengkaji meneliti pantun yang hendak dikaji, dan mencatat beberapa perkara yang berkaitan dengan prinsip kesantunan bahasa seperti yang dibincang oleh sarjana seperti Grice dan Leech (1990). Pengkaji memilih 60 rangkap pantun untuk dijadikan bahan kajian kerana pantun ini wajib dipelajari oleh semua pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, di samping memenuhi ciri kajian.

Saiz sampel kajian tertumpu pada pantun dua, empat, enam, dan lapan kerat kerana pantun ini perlu dipelajari oleh semua pelajar mengikut sukatuan yang ditetapkan sebagai berikut :

- i. Tingkatan 1 (berdasarkan *Antologi Sehijau Warna Daun*), iaitu:
 - a. Pantun 2 Kerat (12 rangkap)
 - b. Pantun Budi (5 rangkap)



ii. Tingkatan 2 (berdasarkan *Antologi Seuntai Kata Untuk Dirasa*):

- a. Pantun Perpisahan (7 rangkap)
- b. Pantun Joget Pahang (3 rangkap)
- c. Pantun Teka-Teki (5 rangkap)

iii. Tingkatan 3 (berdasarkan *Antologi Anak Bumi Tercinta*):

- a. Pantun Peribahasa (3 rangkap)
- b. Pantun Budi (4 rangkap)
- c. Pantun Nasib (5 rangkap)

iv. Tingkatan 4 (berdasarkan *Antologi Anak Laut*):



- a. Pantun Mengenang Nasib (4 rangkap)
- b. Pantun Kiasan (5 rangkap)

v. Tingkatan 5 (berdasarkan *Antologi Kerusi*):

- a. Pantun Enam Kerat (4 rangkap)
- b. Pantun Lapan Kerat (3 rangkap)

Pengkaji merujuk kamus dan bertanya pada rakan yang arif tentang pantun agar kajian mampu memberi gambaran yang meluas tentang pantun. Dengan cara begini, diharap dapat menghasilkan kajian yang bererti dan bermutu tinggi.





Kajian berfokus pada unsur sopan santun yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kupasan tentang konsep pemikiran yang unggul lahir daripada keutuhan pemikir dan orang tua-tua dahulu yang dapat melahirkan keindahan bahasa yang unik, tepat, dan padat dalam menterjemah dan menilai setiap aspek perlakuan dan peradaban masyarakat Melayu serta mempamerkan kehalusan budi bahasanya.

1.6 Pengertian Konsep

Dalam kajian ini, terdapat lapan konsep atau maksim yang digunakan iaitu budi, menjaga air muka, santun (tact), kedermawanan (generosity), kerendahan hati (modesty) persetujuan (agreement), sokongan (approbation), dan simpati (sympathy).



1.6.1 Budi

Dalam kajian ini, “ budi ” bermaksud pekerti, akhlak, tingkah laku atau perlakuan mulia yang dilihat daripada perspektif psikologi yang sering dikaitkan dengan pemikiran, perlakuan, peradaban, dan keperibadian seseorang.

1.6.2 Menjaga Air Muka

Dalam kajian ini, “ menjaga air muka ” bermaksud menjaga maruah diri agar tidak dihina atau diperendahkan oleh orang lain.



1.6.3 Santun

Dalam kajian ini, "santun" bermaksud tingkah laku, tutur kata dan lainnya, adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku (tutur kata) yang baik, keadaban, peradaban. Santun membawa maksud halus budi bahasa atau budi pekerti, beradab, sopan, berasa kasihan dan suka menolong.

1.6.4 Kesantunan bahasa

Dalam kajian ini, "kesantunan bahasa" bermaksud kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan kepada orang yang dihormati, orang yang setaraf dengan kita atau orang yang lebih rendah kedudukannya daripada kita.

1.6.5 Kerendahan Hati

Dalam kajian ini, "kerendahan hati" bermaksud meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Penutur mengelak atau menafikan kata pujian yang diungkapkan oleh pasangan komunikasinya.



1.6.6 Kedermawanan

Dalam kajian ini, “kedermawanan” bermaksud ketulusan hati yang ada pada seseorang penutur iaitu apabila seseorang meminimumkan manfaat bagi dirinya dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Penutur berturur berlandaskan kehalusan bahasa dalam ujarannya.

1.6.7 Persetujuan

Dalam kajian ini, “persetujuan” bermaksud mengambil kira nilaitara pernyataan setuju antara diri sendiri dengan orang lain. Penutur mengawal pertuturnya agar pernyataan tidak setuju atau tidak boleh yang membawa perbalahan diungkapkan. Ujaran yang berhati-hati dan sopan oleh penutur melalui konsep ketidakterusan.



1.6.8 Sokongan

Dalam kajian ini, “sokongan” bermaksud meminimumkan cacian tetapi memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Penutur menghindarkan daripada mengungkapkan perkataan yang tidak manis terhadap pasangan komunikasinya. Konsep ketidakterusan bahasa digunakan. Maksim ini juga disifatkan sebagai maksim mengampu tetapi penggunaannya terhad kerana hanya sesuai untuk sokongan yang tidak jujur sahaja.





1.6.9 Simpati

Dalam kajian ini, “simpati” bermaksud usaha untuk meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati. Ia menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab dan bukannya biadab.

1.7 Kesimpulan

Dalam bab ini diperkatakan penyelesaian masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, batasan kajian, pengertian konsep, dan kesimpulan. Beberapa aspek tersebut digunakan sebagai landasan kajian ini dalam bab seterusnya. Kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar hari ini berada pada tahap yang membimbangkan kerana nilai adab dan budaya sopan santun sudah dicemari oleh ledakan globalisasi iaitu secara amnya, pengaruh antara budaya tanpa sekatan lagi.

Diharapkan kajian ini memberi sumbangan besar kepada dunia pendidikan terutama untuk membina budaya sopan santun dan berbudi bahasa di sekolah dan seterusnya dalam masyarakat secara keseluruhan. Lanjutan perbincangan dan perincian lain yang berkaitan diperlihatkan pada bab seterusnya.

